# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 MAC 2024 (SELASA)

Tumbang 40 Ekor Lembu Sambut Ramadan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 33 | 12 Mac |

# Tumbang 40 ekor lembu sambut Ramadan

**KOTA BHARU:** Permintaan 'luar' biasa rakyat Kelantan terhadap daging segar tempatan untuk menyambut Ramadan menyaksikan 40 ekor lembu disembelih bagi memastikan keperluan pengguna dapat dipenuhi.

Perkara tersebut diakui sendiri oleh peniaga daging, Ikhtiarudin Abdul Rahim, 36, yang mendedahkan jumlah lembu disembelih akan meningkat setiap kali menjelang Ramadan.

Katanya, pada hari-hari biasa sekitar 25 ekor lembu sahaja yang disembelih dan dijual kepada pelanggan.

"Permintaan daging lembu segar meningkat sedikit pada bulan Ramadan kerana kebanyakan pelanggan akan menempah untuk dijadikan sebagai serunding.

"Namun ada juga pelanggan yang datang membeli untuk dimasak sebagai menu bersahur dan berbuka puasa," katanya ketika ditemui di Pasar Siti Khadijah di sini semalam.

Ikhtiarudin memberitahu, ketika ini harga daging segar dijual RM32 sekilogram, manakala tulang RM27 sekilogram.

Bagi Mat Rashid, 64, dia kekal dengan rutin hariannya iaitu menyembelih seekor lembu walaupun di bulan Ramadan.

Katanya, dia tidak kisah bersaing dengan peniaga lain kerana sudah mempunyai pelanggan tetap.



**SEORANG peniaga memotong daging lembu untuk dijual kepada pelanggan di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan semalam. – UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED**

| Sembelih 40 Lembu Sempena Puasa | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo! | Negara | 20 | 12 Mac |

Permintaan tinggi daging segar di Kelantan untuk sambut bulan Ramadan

# Sembelih 40 lembu sempena puasa

**Oleh ROSLIZA MOHAMED**

**KOTA BHARU** – Sebanyak 40 ekor lembu disembelih berikutan permintaan luar biasa rakyat Kelantan terhadap daging segar tempatan bagi menyambut Ramadan tahun ini.

Perkara itu diakui peniaga daging lembu di Pasar Besar Siti Khadijah, Ikhtiarudin Abdul Rahim, 36, yang memberitahu, bilangan lembu yang disembelih meningkat setiap kali menjelang bulan puasa.

Katanya, pada hari biasa, kira-kira 25 ekor lembu disembelih dan dijual kepada pelanggan.

"Permintaan daging lembu segar meningkat pada bulan Ramadan kerana ramai yang menempahnya untuk dibuat serunding.

"Ada juga pelanggan yang membeli untuk dimasak sebagai juadah bersahur dan berbuka puasa," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Siti Khadijah semalam.

Ikhtiarudin memberitahu, harga daging segar adalah RM32 sekilogram, manakala tulang pula RM27 sekilogram.

Seorang lagi peniaga, Mat Rashid, 64, berkata, dia kekal dengan rutin harian menyembelih seekor lembu walaupun pada bulan Ramadan.

Katanya, dia tidak kisah perlu bersaing dengan peniaga-peniaga lain kerana mempunyai pelanggan tetap.

"Lagipun saya jual daging ikut harga pasaran semasa," ujarnya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Salina Hamat, 50, berkata, setiap kali tiba bulan Ramadan, sup dan daging goreng menjadi menu utama sama ada untuk bersahur atau berbuka puasa.

Wanita itu membelanjakan lebih RM50 untuk membeli daging dan tulang di pasar berkenaan semalam.

Di **Hulu Terengganu,** orang ramai memenuhi Pasar Tani Kuala Berang semalam untuk membuat persiapan akhir membeli barangan keperluan bagi menyambut Ramadan yang bermula hari ini.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati sayur-sayuran, daging lembu dan ayam laris dibeli pengguna.

Peniaga daging, Nordin Mat Zain, 41, berkata, lebih 100 kilogram (kg) daging lembu dijual dalam masa dua jam bermula pada pukul 7.30 pagi.

"Permintaan sehari sebelum 1 Ramadan memang tinggi bukan sahaja oleh pelanggan biasa, malah peniaga bazar Ramadan juga membelinya dalam kuantiti yang banyak," katanya.

Nordin memberitahu, dia menyembelih dua ekor lembu dan mengupah dua pekerja untuk membantu melayan pelanggan.

Peniaga ayam, Nor Fatin Aqilah Mat Rabi, 29, pula berkata, sebanyak 200 ekor terjual semalam bagi memenuhi permintaan pelanggan.



**PENIAGA memotong daging lembu tempatan untuk dijual kepada pelanggan ketika tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu semalam.** – ROSLIZA MOHAMED

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR